

BAJET 2023 NEGERI MELAKA

TEGUH BERSAMA, MAKMUR MELAKA

باجيت نكري ملاك

(Muka surat ini dibiarkan kosong)



کتوا منتري ملاک
KETUA MENTERI MELAKA



PRAKATA
YAB KETUA MENTERI MELAKA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurnia-Nya, maka saya kemukakan di Dewan yang mulia ini buku Bajet 2023 Negeri Melaka yang mengandungi Anggaran Hasil, Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi membiayai perbelanjaan program, aktiviti dan projek pembangunan pada tahun 2023.

Bagi memastikan proses penyediaan bajet tahunan yang lebih telus, Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka (JKPNM) telah mendapatkan maklum balas terhadap isu-isu berbangkit dan cadangan penyelesaian dengan jabatan dan agensi pelaksana sebagai input penting dalam merangka Bajet 2023. Cadangan-cadangan tersebut telah diperhalusi dan diperkemas melalui sesi libat urus dan perbincangan yang akhirnya telah dipertimbangkan untuk menjadi program dan inisiatif di bawah Bajet 2023 yang lebih inklusif dalam merealisasikan hasrat dan visi Negeri Melaka ke arah 'Menuju Negeri Lestari'.

Seiring dengan momentum pemulihan ekonomi pasca COVID-19, Bajet 2023 Negeri Melaka mengekalkan penekanan kepada tiga (3) fokus utama iaitu rakyat, ekonomi dan Kerajaan dengan tema 'Teguh Bersama, Makmur Melaka'. Bajet 2023 memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi dan memberi tumpuan kepada pelaksanaan pembaharuan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat, kemampanan ekonomi dan kecekapan perkhidmatan awam.

Bajet 2023 juga terus memperkukuh pelaksanaan projek-projek pembangunan dengan kesan pengganda yang tinggi untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negeri melalui pelaksanaan projek atau program pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Kerajaan Negeri komited untuk merangka strategi perbelanjaan awam yang dapat memanfaatkan rakyat dan negeri khususnya golongan yang mudah terjejas. Di samping itu, Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha perbelanjaan berhemat untuk memastikan nilai faedah terbaik dalam perbelanjaan. Sehubungan itu, saya yakin maklumat yang terkandung dalam buku ini telah menggariskan hala tuju yang jelas untuk Jabatan Negeri melaksanakan program, aktiviti dan projek pada tahun 2023.

MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA.

(DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI)

Alamat : Pejabat Ketua Menteri Melaka, Aras 4 (Suite), Blok Bendahara, Kompleks Seri Negeri, Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh, 75450 Melaka.

Tel : 606-333 3333 (Am), 606-230 7201 / 7491 / 7204 (Terus) Faks : 606-232 8400 / 8330

(Muka surat ini dibiarkan kosong)

KANDUNGAN

<u>PERKARA</u>		<u>MUKA SURAT</u>
Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Tahun 2023	i
Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2021	ii
RINGKASAN BAJET 2023 NEGERI MELAKA		
Carta 1: Anggaran Hasil	iii
Carta 2: Anggaran Perbelanjaan	iv
Carta 3: Anggaran Perbelanjaan Mengurus	v
Carta 4: Anggaran Perbelanjaan Pembangunan	vi
ANGGARAN HASIL TAHUN 2023		
Ringkasan Anggaran Hasil	1
Anggaran Hasil (Mengikut Kod Hasil)	2
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2023		
Ringkasan Anggaran Perbelanjaan Mengurus	10
Perbelanjaan Tanggungan		
T01	Peruntukan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri 13
T02	Speaker Dewan Undangan Negeri 14
T03	Bayaran Hutang Kerajaan 15
T04	Pampasan, Pencen dan Ganjaran 16
Perbelanjaan Bekalan		
B01	Pejabat Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri 17
B02	Dewan Undangan Negeri 19
B03	Jabatan Ketua Menteri 21
B04	Jabatan Pertanian 30
B05	Pejabat Tanah dan Galian 35

KANDUNGAN

<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
B06 Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah	39
B07 Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah	42
B08 Pejabat Daerah dan Tanah Jasin	44
B09 Sumbangan Kepada Kumpulan Wang Berkanun	46
B10 Jabatan Pengairan dan Saliran	47
B11 Jabatan Hutan	50
B12 Jabatan Kerja Raya	52
B13 Jabatan Agama Islam	60
B14 Jabatan Kebajikan Masyarakat	66
B15 Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan	68
B16 Jabatan Perkhidmatan Veterinar	70
B17 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	72
B18 Mahkamah Syariah	74
B19 Jabatan Mufti	76
B20 Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan	78
B21 Jabatan Pendakwaan Syariah	80
 ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2023	
Anggaran Kumpulan Wang Pembangunan	82
Ringkasan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan	83
P10 Jabatan Kerja Raya	84
P11 Jabatan Pengairan dan Saliran	85
P12 Jabatan Pertanian	86
P13 Jabatan Perkhidmatan Veterinar	87
P16 Jabatan Ketua Menteri (Infrastruktur)	88
P18 Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan	89
P19 Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah	90

KANDUNGAN

<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
P20 Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah	91
P21 Pejabat Daerah dan Tanah Jasin	92
P22 Jabatan Agama Islam	93
P23 Pejabat Ketua Menteri	94
P24 Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan	95
 SENARAI PERJAWATAN TAHUN 2023	
B01 Pejabat Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri	96
B03 Jabatan Ketua Menteri	98
B04 Jabatan Pertanian	119
B05 Pejabat Tanah dan Galian	123
B06 Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah	129
B07 Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah	137
B08 Pejabat Daerah dan Tanah Jasin	144
B10 Jabatan Pengairan dan Saliran	152
B11 Jabatan Hutan	155
B12 Jabatan Kerja Raya	156
B13 Jabatan Agama Islam	169
B14 Jabatan Kebajikan Masyarakat	187
B15 Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan	189
B16 Jabatan Perkhidmatan Veterinar	195
B17 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	200
B18 Mahkamah Syariah	204
B19 Jabatan Mufti	209
B21 Jabatan Pendakwaan Syariah	212

(Muka surat ini dibiarkan kosong)

KERAJAAN NEGERI MELAKA

ANGGARAN HASIL DAN PERBELANJAAN TAHUN 2023

	RM	RM
<u>HASIL</u>		
Hasil Cukai	145,923,599.50	
Hasil Bukan Cukai	297,539,091.84	
Terimaan Bukan Hasil	12,089,543.66	
		<hr/>
JUMLAH HASIL:		455,552,235.00
<u>PERBELANJAAN MENGURUS</u>		
Perbelanjaan Tanggungan	11,564,673.00	
Perbelanjaan Bekalan	443,864,287.00	
		<hr/>
JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS:		455,428,960.00
		<hr/>
LEBIHAN / (KURANGAN):		123,275.00
		<hr/>
<u>PERBELANJAAN PEMBANGUNAN</u>		
Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan	58,360,880.00	
Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi	23,639,100.00	
Pindahan Dari Akaun Pinjaman Disatukan	20.00	
		<hr/>
JUMLAH PERBELANJAAN PEMBANGUNAN:		82,000,000.00

KERAJAAN NEGERI MELAKA
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2021

	2021	2020
	RM	RM
WANG AWAM		
Wang Tunai	151,143,162.48	91,063,925.17
Pelaburan	106,967,614.87	69,341,888.93
	258,110,777.35	160,405,814.10
DIPEGANG BAGI:		
KUMPULAN WANG DISATUKAN		
Akaun Hasil Disatukan	8,668,636.25	(57,156,288.69)
Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00
Akaun Amanah Disatukan	249,442,141.10	217,562,102.79
	258,110,777.35	160,405,814.10

RINGKASAN BAJET 2023 NEGERI MELAKA


Pengenalan

Buku Bajet Negeri Melaka mengandungi Anggaran Hasil, Anggaran Perbelanjaan dan Senarai Perjawatan bagi semua Jabatan Kerajaan di Negeri Melaka pada tahun 2023.

Anggaran Hasil

Anggaran hasil Kerajaan Negeri Melaka bagi tahun 2023 disasarkan berjumlah **RM455,552,235.00** yang terdiri daripada 3 komponen utama iaitu Hasil Cukai berjumlah **RM145,923,599.50 (32.03%)**, Hasil Bukan Cukai **RM297,539,091.84 (65.31%)** dan Terimaan Bukan Hasil berjumlah **RM12,089,543.66 (2.65%)**


Carta 1 : Anggaran Hasil bagi tahun 2023



Anggaran Perbelanjaan

Anggaran perbelanjaan Kerajaan Negeri Melaka yang diperakukan bagi tahun 2023 merangkumi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan. Perbelanjaan Mengurus diperuntukkan sebanyak **RM455,428,960.00** yang terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan berjumlah **RM11,564,673.00** dan Perbelanjaan Bekalan berjumlah **RM443,864,287.00**. Selain itu sejumlah **RM82,000,000.00** diperuntukkan untuk Perbelanjaan Pembangunan.


Carta 2 : Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 2023



Anggaran Perbelanjaan Mengurus

Sejumlah **RM455,428,960.00** telah dibajetkan di bawah Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2023. Perbelanjaan ini diagihkan mengikut pecahan seperti Emolumen berjumlah **RM122,201,767.00 (26.83%)**, Perkhidmatan dan Bekalan berjumlah **RM180,274,191.00 (39.58%)**, Aset berjumlah **RM6,505,590.00 (1.43%)**, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap berjumlah **RM139,384,362 (30.61%)** dan Perbelanjaan Lain berjumlah **RM7,063,050.00 (1.55%)**

Carta 3 : Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2023



Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2023 adalah sebanyak **RM82,000,000.00**. Pecahan Perbelanjaan Pembangunan adalah terdiri daripada Pindahan dari Akaun Hasil Disatukan (Sumber Hasil Negeri) berjumlah **RM58,360,880.00 (71.17%)**, Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (Geran TAHAP) berjumlah **RM23,639,100.00 (28.83%)** dan Pindahan Dari Akaun Pinjaman Disatukan (Sumber Pinjaman) berjumlah **RM20.00 (0.000025%)**

Carta 4 : Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2023

